

- (e) Borang-borang maklumat am latar belakang petender.

Borang-borang ini akan disertakan bersama Dokumen Tender dan dijilid secara berasingan. Petender wajib mengembalikan borang berkenaan bersama Dokumen Tender sebelum tender ditutup untuk tujuan penilaian dan perakuan tender.

- (f) Surat Setujuterima Tender

Surat Setujuterima Tender mestilah menjadi sebahagian daripada Dokumen Meja Tender. Ini adalah perlu untuk menunjukkan kepada petender kandungan Surat Setujuterima Tender yang akhirnya akan menjadi sebahagian dari Dokumen Kontrak.

- (g) Jaminan Bank dan Insurans untuk Bon Pelaksanaan dan Bayaran Pendahuluan

Borang-borang jaminan bank dan insurans untuk Bon Pelaksanaan (lihat Lampiran 5D), dan Bayaran Pendahuluan¹² (Lampiran 15E) mestilah menjadi sebahagian daripada Dokumen Meja Tender. Ini adalah perlu untuk memberitahu kepada petender syarat-syarat jaminan yang akan diluluskan oleh Kerajaan.

- (h) Spesifikasi

- (i) Spesifikasi mestilah menjadi sebahagian Dokumen Meja Tender dan jika perlu, boleh menjadi sebahagian daripada dokumen tender. Spesifikasi menentukan keperluan kerja yang tidak dijelaskan di dalam lukisan dan juga keperluan-keperluan lain Kontrak yang tidak dinyatakan dalam mana-mana dokumen lain.
- (ii) Di mana spesifikasi piawai umpamanya Spesifikasi Piawai untuk Kerja-kerja Binaan Bangunan digunakan, ianya mestilah digunakan dengan spesifikasi addenda¹³. Spesifikasi addenda mestilah disediakan untuk memasukkan keperluan-keperluan khusus bagi Kontrak berkenaan.

¹² Surat Pekeling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007

¹³ Surat Arahan KPKR Bil. 7/1989 bertarikh 21.10.89